# PENERAPAN POTENSI MURID DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI PRASEKOLAH

## *APPLICATION OF THE STUDENTS' POTENTIAL IN TEACHING AND LEARNING OF ISLAMIC STUDIES IN PRESCHOOLS*

SOFIAH MOHAMED[1]& KAMARUL AZMI JASMI
Universiti Teknologi Malaysia

## ABSTRAK

*Objektif kajian adalah meneroka perkembangan potensi rohani dan sosioemosi murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam prasekolah. Matlamat pendidikan prasekolah adalah untuk memperkembangkan potensi murid secara menyeluruh dan bersepadu dengan pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif, dan bermakna. Oleh hal yang demikian, guru-guru perlu memainkan peranan yang proaktif dengan ilmu dan kesungguhan bagi mencapai matlamat ini. Kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini menggunakan kaedah pemerhatian sebagai instrumen utama. Data pemerhatian ditriangulasikan pula dengan data temu bual dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian menggunakan pensampelan bertujuan dengan ciri pemilihan mereka yang memiliki diploma pendidikan dari institusi perguruan, pernah mendapat kursus dan latihan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta berpengalaman mengajar prasekolah melebihi tiga tahun. Hasil kajian mendapati bahawa dalam P&P Pendidikan Islam prasekolah terdapat peranan sifat guru, pengetahuan, dan kreativiti guru dalam membangunkan potensi murid. Oleh itu, adalah diharapkan dapatan kajian ini akan menyumbang ke arah pengetahuan asas kita mengenai proses P&P Pendidikan Islam terutama usaha mengembangkan potensi rohani dan sosioemosi kanak-kanak.*

*Kata kunci : potensi rohani dan sosioemosi, pendidikan Islam, prasekolah, kajian kualitatif*

## ABSTRACT

*The objective of the study is to explore the spiritual and socioemotional potential development of students in the teaching and learning (T&L) of Islamic Studies in preschools. The goals of preschool education are to develop the potential of students in a holistic and integrated manner with fun, creative, and meaningful leaning. As such,*

1 Corresponding author : Sofiah Mohamed, Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor, e-mail: Sofiah9@live.utm.my

*teachers need to play proactive roles with knowledge and determination to achieve these goals. This qualitative study, in the form of a case study, used the observation method as the main instrument. Data from the observations were triangulated with those from interviews and document analysis. Using the purposive sampling method, participants were selected among those who have obtained a diploma of education from teaching institutions, attended courses and trainings conducted by the Ministry of Education (MOE), and had more than three years of teaching experience at preschools. The results showed that in the T&L of Islamic Studies in preschools, teachers' characteristics, knowledge, and creativity played a role in developing the potential of students. It is hoped that this study will contribute to our basic knowledge about T&L of Islamic Studies, particularly towards the efforts in developing the potential of spiritual and socioemotional of children.*

*Keyword: spiritual and socioemotional potential, Islamic studies, preschool, qualitative study*

# PENGENALAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2010 (KSPK) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan. Oleh itu guru perlu melaksanakan aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna bagi meningkatkan kemahiran, menanam keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif pada diri kanak-kanak (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Oleh kerana pendidikan merupakan alat terpenting dalam usaha membangunkan potensi murid seterusnya membina insan yang sempurna (Abdul Hafiz Mat Tuah, et al., 2012), penggunaan unsur kecerdasan pelbagai dalam P&P mampu mengembangkan potensi diri murid. Sikap rajin, jujur, berani, bertanggungjawab dan yakin dapat ditanamkan ke dalam kehidupan mereka (Ikhsan Othman & Rohizani Yaakub, 2010). Begitu juga dengan penggunaan multimedia dalam P&P dapat mengembangkan potensi diri kanak-kanak. Adab dalam kehidupan seharian, imaginasi, kreativiti, dan emosi dapat dibentuk (Latifah Abdul Majid, et al., 2012). Oleh itu, sekolah memainkan peranan penting dalam pembentukan perkembangan kanak-kanak (Saturia Amiruddin, et al., 2014). Menurut Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014), Islam mengambil berat mengenai pendidikan terhadap kanak-kanak, mereka mudah meniru dan mencontohi orang sekeliling. Pengajaran kepada kanak-kanak berasaskan rutin harian kerana pengetahuan mereka melalui cara berfikir dan perkara logik yang maujud (Kamarul Azmi Jasmi & Siti Fauziyani Md Salleh, 2007). Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014) menyatakan bahawa kanak-kanak mempunyai perasaan yang sensitif. Oleh itu mudah untuk pembentukan tingkah laku mereka melalui pemahaman terhadap jiwa mereka. Pembentukan potensi murid yang berjaya memerlukan guru yang mendapat pendidikan sempurna dari segi akidah dan akhlak selain kaedah dan teknik mengajar (Hasan Langgulung, 1991). Hal ini kerana guru akan berhadapan dengan murid secara kognitif, afektif, dan spiritual seterusnya membentuk insan kamil (Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, 2007).

Mengenai pembangunan sosial-emosi, menurut The Early Childhood Direction Center (2009), pembangunan sosial-emosi adalah keupayaan kanak-kanak untuk memahami perasaan orang lain, mengawal perasaan

dan tingkah laku mereka sendiri serta ketika bersama rakan-rakan mereka. Dalam usaha untuk kanak-kanak mencapai kemahiran asas yang mereka perlukan, kerjasama, mengikuti arahan, menunjukkan kawalan diri, dan memberi perhatian merupakan kaedah penting dalam menerapkan kemahiran sosial-emosi. Perasaan kepercayaan, keyakinan, kebanggaan, persahabatan, kasih sayang dan humor pula antara sebahagian daripada pembangunan sosial-emosi yang tidak kurang penting bagi kanak-kanak. Hubungan positif orang dewasa kepada seorang kanak-kanak, mempercayainya, dan penyayangnya pula ialah kunci kepada perkembangan emosi dan sosial yang berjaya. Mengenai rohani pula, Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014) pula menyatakan bahawa aspek kerohanian menjadikan manusia berkeyakinan teguh kepada Allah seterusnya memberi ketenteraman dalam jiwa dan fikiran.

## PERKEMBANGAN POTENSI KANAK-KANAK MENURUT ISLAM

Islam amat memberi perkembangan potensi anak-anak. Sebagai contoh, Rasulullah SAW sangat melihat potensi yang ada pada Ibn ‘Abbas dan Baginda SAW mendoakan secara khusus kepada beliau dan memberikan perhatian khusus kepada pendidikan beliau. Satu hadis menyatakan (Hambal Ahmad, 2001: 2397):

عَنِ ابْنِ عَبَّاس : أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ ، وَضَعَ يَدَهُ عَلَى مَنْكِبِيْثُمَّ قَالَ : « اللَّهُمَّ فَقِّهْهُ فِي الدِّينِ، وَعَلِّمْهُ التَّأْوِيل »

Maksud: ‘Ibn ‘Abbas RA berkata bahawa Rasulullah SAW meletakkan tangan ke dadaku lalu berdoa: “Ya Allah! Berilah kefahaman kepadanya dalam agama dan ajarkannya ilmu takwil.”

(Riwayat Ahmad)

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW sangat mengambil berat tentang perkembangan Ibn ‘Abbas sewaktu beliau masih kanak-kanak lagi sehingga beliau didoakan dengan doa yang khusus. Menurut Hasan Langgulung (1991) dan Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014) menyatakan bahawa mengambil berat mengenai potensi manusia kurniaan Allah kepada kanak-kanak merupakan satu ibadah. Kenyataan ini disokong oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2016) dengan bahawa pembentukan potensi rohani boleh dipupuk dengan menunjukkan akhlak yang baik serta membiasakan mereka dengan syiar Islam sebagai rutin sehingga mampu melaksanakannya sendiri tanpa disuruh dan rasa tenang setelah melakukannya. Bagi pembentukan potensi sosioemosi pula antaranya menjauhkan mereka dari sifat manja. Jauhi menghina dan mengkasari mereka. Latih mereka berdikari dan bimbing mereka dengan kelembutan.

Oleh itu, Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Aderi Che Noh (2013) berpendapat bahawa peristiwa penurunan al-Quran yang memperlihatkan kaedah P&P terbaik untuk pembentukan peribadi yang sempurna dari segi sahsiah dan rabbani. Kaedah syarahan menurut Mohd Yusuf Ahmad (2000) yang melibatkan penghuraian dan penjelasan memberikan rasa pergantungan dan penghormatan murid kepada guru seterusnya melahirkan rasa kasih sayang antara keduanya. Kaedah hafalan pula menurut Abdul Hafiz Abdullah *et al.* (2005) pula menambah kecerdasan, kepintaran, kekuatan ingatan, dan keyakinan seseorang. Seterusnya, kelebihan kaedah soal jawab pula

menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007) pula boleh meningkatkan kecerdasan dan mencungkil bakat. Mampu melatih individu bercakap, serta mengeluarkan idea dan hujah yang konkrit pula hasil penggunaan kaedah perdebatan. Akhir sekali, kaedah *halaqah* menurut Kamarul Azmi Jasmi dan Mohd Aderi Che Noh (2013) dan Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007) pula yang dimulakan dengan bacaan *basmalah*, *hamdallah* dan selawat boleh membentuk murid berdisiplin.

Menurut Kamaruddin Husin (1996), manusia mempunyai pelbagai potensi anugerah Allah SWT dan potensi pula merupakan sebahagian dari fitrah manusia. Manusia sendiri boleh merancang dan menentukan perkembangan potensi dirinya agar menyerlah dengan pendedahan dan rangsangan yang sebaiknya. Beliau menambah dengan mencadangkan agar peranan guru dalam proses P&P ditingkatkan untuk mengembangkan potensi murid antaranya mewujudkan suasana bilik darjah yang mesra dan menggembirakan. Selain itu, guru menunjukkan contoh teladan yang baik kepada murid, memahami masalah psikologi murid dan bersikap empati. Oleh itu guru yang berilmu, kreatif, rajin dan bersungguh-sungguh diharapkan mampu membangunkan potensi murid dengan jayanya.

**Islam mengutamakan perkembangan rohani kanak-kanak khususnya perkembangan akidah serta pengetahuan Islam sendiri.**

Menurut Shahrin Hashim & Yusof Boon (2008) serta Rohaty Mohd. Majzub & Abu Bakar Nordin (1989), perkembangan kanak-kanak secara semula jadinya berterusan mengikut perkembangan yang sama tetapi dengan kadar yang berbeza. Baka dan persekitaran merupakan dua faktor penting yang mempengaruhi perkembangan tersebut. Muhammad Al-Ghazali (t.th.) dan Ibn Khaldun (1986) menegaskan bahawa ilmu yang dipupuk sejak kanak-kanak akan teguh sebagai asas kepada pendidikan seterusnya. Kenyataan Muhammad Al-Ghazali (t.th.) ini turut memberi disokong oleh Mohd Ismail Mustari *et al.* (2012) dan Siti Fharhana Yusof *et al.* (2012) bahawa penekanan kepentingan perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui teknik belajar melalui bermain.

Ringkasnya, berdasarkan kajian yang dibincangkan menunjukkan bahawa pihak ibu bapa dan guru perlu menumpukan kepada proses perkembangan potensi rohani dan sosioemosi murid dalam P&P Pendidikan Islam agar akidah dapat dimantapkan, adab dan akhlak boleh dibentuk, dan sosioemosi yang dikehendaki dapat dikembangkan.

## PERKEMBANGAN ROHANI

Menurut Mohd Kamal Hasan (1988) walaupun manusia adalah gabungan roh, akal dan jasad, namun rohani merupakan tonggak utama dalam perkembangan keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, Islam mengutamakan perkembangan rohani kanak-kanak khususnya perkembangan akidah serta pengetahuan Islam sendiri. Perkembangan potensi rohani dilaksanakan dengan menjadikan syiar Islam dan akhlak sebagai rutin. Rusleda Awang *et al.*, (2012) menyatakan bahawa Islam mengakui mengenai perkembangan potensi manusia sejak kanak-kanak adalah

berdasarkan fitrah. Perkara ini dinukilkan dalam Surah al-Tin ayat 4 yang bermaksud Sesungguhnya kami telah menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian.

Hassan Langgulung (2001) serta Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri (2007) pula menyatakan bahawa pendidikan adalah alat untuk memperkembangkan potensi diri, manakala pendidikan Islam pula ialah mendidik, membina dan melatih potensi manusia berdasarkan ajaran Islam. P&P Pendidikan Islam pula merupakan satu proses bertujuan mengubah tingkah laku murid ketika guru dan murid berinteraksi dengan mata pelajaran. Ibn Khaldun (1986) menyatakan bahawa pendidikan al-Quran perlu didahulukan dari pendidikan lain. Oleh itu permulaan Pendidikan Islam menurut Mohd Yusuf Ahmad (2003) serta Ahmad Munawar Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2016) dengan belajar membaca al-Quran, mengenal Allah, bersuci dan beribadah. Menurut Hamdi Rahman, Sofian Sauri, & Nurul Naim (2012) perkataan fardu ain sendiri meletakkan pemahaman mengenai kewajipan melaksanakan perintah Islam kepada setiap individu sekalipun kewajipan sebenarnya apabila mukalaf. Pemahaman aqidah dan pendidikan Islam yang mantap memudahkan murid untuk memahami kewajipan mentaati perintah Allah SAW.

Oleh sebab itu guru berperanan menyampaikan ilmu fardu ain secara menyeronokkan kepada murid prasekolah sebagai persediaan untuk kehidupan seterusnya yang serba mencabar. Menyedari hakikat ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meletakkan Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai sebagai salah satu aspek yang dikembangkan di prasekolah agar murid dapat mengamalkan nilai Islam dalam kehidupan seharian. Jadual berikut menunjukkan standard kandungan Pendidikan Islam di prasekolah.

**Jadual 1.1 Standard Kandungan untuk Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai - Pendidikan Islam**

| Fokus | Pada akhir prasekolah murid boleh: |
|---|---|
| Aqidah | Mengetahui Rukun Iman. |
| Ibadah | Mengetahui Rukun Islam.<br>Melafazkan Kalimah Syahadah.<br>Melakukan wuduk<br>Mendirikan solat.<br>Bersuci dari najis. |
| Sirah | Mengetahui Sirah Rasulullah S.A.W. |
| Akhlak | Mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W., iaitu sabar, bercakap benar, rajin, bijaksana dan amanah. Melakukan amalan seharian mengikut adab seperti melafazkan doa |
| Asas Bahasa al-Quran dan Tulisan Jawi | Mengenal bahasa Al-Quran<br>Mengenal huruf jawi.<br>Menghafaz beberapa surah dari juzu' Amma. |

(Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010)

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan bergantung kepada guru. Perkembangan murid banyak dipengaruhi oleh suasana di dalam bilik darjah (Mariani Md Nor, 2006)the field of early childhood education has undergone several changes, the most recent change being the move into a system based upon analyzing the issues such as social, curriculum and academic staff. This article reviews some recent trends and issues in early childhood education in Malaysia in the, context of the, overall early childhood community. Drawing from Bronfenbrenner's (1998.

Pengajaran berkualiti menghasilkan pembelajaran yang efektif (Abdullah Ishak, 1995; Noor Hisham Md Nawi, 2011). Tiada guru maka tiadalah murid. Guru tunggak utama di sekolah. Guru merupakan pemimpin kurikulum di bilik darjah. Murid mudah memahami pengajaran guru apabila guru empati terhadap muridnya dari segi psikologi dan sosio budaya (Abu Bakar Nordin & Ikhsan Othman, 2003; Kashry, 2011). Para ilmuwan mengakui bahawa tiada kaedah yang terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan melainkan bergantung pada kebijaksanaan guru. Islam sendiri memberikan kaedah yang sempurna untuk diikuti, iaitu cara penurunan al-Quran. Kaedah yang komprehensif ditunjukkan melalui hubungan antara *murabbi* dengan pelajarnya, iaitu bagaimana Allah SWT melalui malaikat Jibrail AS menyampaikan wahyu kepada Rasulullah SAW. Kaedah yang boleh diambil pengajaran juga kaedah penyampaian ilmu daripada Rasulullah SAW kepada umatnya. Kaedah ini dianggap paling berkesan dapat membentuk sahsiah yang rabbani (Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh, 2013).

Pendidikan Islam bertujuan melahirkan Muslim yang berilmu, menghayati dan mengamalkan ilmu tersebut (Kamarul Azmi Jasmi *et al.*, 2011). Oleh itu, semua Muslim seawal usia kanak-kanak wajib belajar bagi menuntut ilmu sebagai satu tuntutan Islam. Pendidikan Islam menekankan penghayatan dan pengamalan selain memiliki ilmu dan pengalaman. Perkara ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang mengambil kira penghayatan Islam serta keperibadian berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. FPI adalah seperti berikut:

> *Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.*
>
> (Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri, 2007)

Pendidikan dan penghayatan ini perlu dipupuk, ditanam dan dibajai di dalam bilik darjah sewaktu proses P&P. P&P yang berkesan memerlukan komunikasi dua hala antara guru dan murid (Abdul Jamir Md Saad et al. 2012). Kepentingan P&P memang tidak dapat dinafikan kerana proses pembelajaran, pembinaan akhlak, penanaman akidah, dan pemantapan ilmu dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Cendekiawan Islam mengiktiraf bahawa pendidikan yang terbaik ialah pendidikan *rabbani* yang berpunca dari wahyu Allah SWT (Abdurrahman Al-Nahlawi, 1983; Abdullah Ishak, 1995; Zakaria Stapa et al. 2012). Perkara yang perlu diutamakan dalam kurikulum Pendidikan Islam ialah pengajaran al-Quran, Hadis, Bahasa Arab dan cabang-cabangnya. Bahasa Arab juga penting kerana dengan penguasaan bahasa tersebut, seseorang itu dapat mendalami dan menghayati pengajaran al-Quran dan al-Sunnah (Syed Ali et al. 1980; Abdullah Ishak, 1995).

Tokoh besar Islam, iaitu Ibn Sina, Ibn Khaldun, Ibn Tawam dan al-Ghazali kesemuanya menyarankan agar anak-anak dimulakan didikan dengan al-Quran dan Hadis, seterusnya, membaca dan menulis, sejarah, syair, serta pendidikan fizikal seperti berenang dan menunggang kuda. Kurikulum pendidikan Islam perlu bersepadu berkaitan dengan spiritual dan fizikal, teori dan praktikal. Pembentukannya perlu dirancang

oleh pihak kerajaan dan swasta yang berkelayakan, mempunyai ilmu dan pengalaman dalam pelbagai bidang (Abdullah Ishak, 1995). Pendidikan al-Quran perlu menjadi dasar kepada Pendidikan Islam khususnya kepada kanak-kanak bagi memperteguh keimanan mereka. Kaedah pengajaran al-Quran berbeza mengikut masyarakat, ada yang tidak mencampurkan al-Quran dengan pelajaran lain dan ada yang mengajar al-Quran juga mata pelajaran lain. Pendidikan secara kekerasan di larang sama sekali terhadap kanak-kanak (Ibn Khaldun, 1986).

Menjadi keperluan kepada guru untuk mendidik murid berdasarkan kurikulum Pendidikan Islam panduan dari al-Quran dan sunnah khususnya murid prasekolah. Aliff et al. (2012), berpendapat bahawa kurikulum pendidikan perlu bersifat dinamik. Hal ini kerana kurikulum sentiasa disemak dan disesuaikan dengan pembangunan dan keperluan masyarakat agar generasi akan dapat mengikuti gelombang pendidikan global. Perubahan globalisasi turut memberi kesan kepada P&P Pendidikan Islam. Pelbagai pendekatan dan kaedah telah diambil dan dilaksanakan untuk menyampaikan kepada matlamat kurikulum Pendidikan Islam tercapai. Oleh sebab itulah resolusi Persidangan Pendidikan Islam di Mekah tahun 1977 mengambil ketetapan bahawa pendidikan al-Quran secara intensif, pembacaan, hafalan dan penghayatan perlu diambil berat dalam pendidikan Islam (Asmau Imam Abdul Kabir, 2013)but to also make them good citizens equipped and readily prepared to exercise moral values. However, with the increased pace of change in the world today, the moral purpose of education has been relegated to the background as the vocation oriented demands of capitalist markets centered mainly around the provision of skilled individuals who are philosophically ready to fill the gap in the job-market. As a result, moral values have been overwhelmingly marginalized even by the teachers of Islamic education, and when it is taught, it is often not compatible with the nature and objective of Isl\u0101mic education. Thus, teaching Isl\u0101mic education in schools has been unable to achieve its aim, mainly due to the lack of an effective Qur\u2019\u0101nic based approach and methodology when teaching moral values. The present study explores the approaches used by the Qur\u2019\u0101n and in its historical narratives in inculcating moral values. This includes storytelling, modelling ( q udw ah ah .

# PERKEMBANGAN SOSIOEMOSI

Perkembangan sosioemosi murid prasekolah berlaku sepanjang masa khususnya semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam. Pendidikan di prasekolah menitikberatkan perkembangan ini agar terbina pencapaian emosi yang positif, dapat membina konsep kendiri positif serta mempunyai kemampuan berkomunikasi dan kebolehan sosial (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Oleh hal yang demikian perkembangan sosioemosi dibangunkan melalui tunjang Keterampilan Diri dan perkembangan ini berlaku sepanjang masa ketika murid berada di prasekolah. Penerapan Tunjang ini diharapkan agar murid mempunyai kematangan emosi, berkemampuan berinteraksi dengan orang lain, mampu melaksanakan tugasan secara bersendirian dan berkumpulan dan tahu menghormati perasaan serta hak orang lain seterusnya mampu membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa serta rakan sebaya. Menurut Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, & Intan Zahariah Gaisun (2014), kanak-kanak perlu

diberi peluang untuk mengembangkan emosi positif dengan menghadapi dan menyelesaikan sendiri emosinya yang tidak stabil.

Oleh sebab itu Islam sendiri menitikberatkan mengenai perubahan kendiri dalam kesemua aspek jasmani, rohani, emosi, intelek dan sosial. Perkembangan sosioemosi memainkan peranan penting dalam kehidupan untuk mendorong kebaikan dan kejayaan. Selain itu perkembangan emosi yang terkawal boleh mempengaruhi tingkah laku luaran (Muhammad Salih Samak, 1983; Muhamad Fauzi Othman, 2007). Menurut Hasan Langgulung (1986) antara cara mendidik sosioemosi anak-anak ialah santuni dan beri penghormatan kepada mereka dengan memberi peluang meluahkan perasaan dan pendapat, juga membantu mereka mengulang kaji pelajaran.

Bagi Rohaty Mohd. Majzub & Abu Bakar Nordin (1989), perkembangan sosioemosi kanak-kanak yang baik dapat membantu perkembangan kognitif. Perhubungan yang seimbang dengan rakan sebaya serta guru memberi rangsangan kasih sayang, bantu-membantu serta membimbing mereka untuk mengawal emosi seterusnya menguatkan keyakinan serta kematangan mereka. Apabila proses P&P berjaya dilaksanakan dengan berkesan dapat memperkembangkan rohani dan sosioemosi murid yang membawa kefahaman Tauhid seterusnya mengubah ibadah dan akhlak (Ghazali Darusalam, 2001). Shahida et al., (2013) juga berpendapat bahawa perkembangan kecerdasan emosi kanak-kanak memberi kesan kepada keseluruhan perkembangan peribadi mereka. Justeru perkembangan sosioemosi yang baik dan seimbang memberi impak yang besar kepada perkembangan setiap murid. Menurut (Mohd. Sharani Ahmad, 2007), setelah dimantapkan dengan perkembangan emosi diri sendiri, murid ditanamkan dengan kemahiran sosial, iaitu memahami keperluan orang lain. Murid yang mampu mengawal emosi sendiri seterusnya boleh berkomunikasi dan bergaul dengan kawan-kawannya antara asas kecerdasan emosi (EQ).

Kanak-kanak dilahirkan dengan keunikan dan keistimewaan tersendiri. Setiap kanak-kanak berbeza perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial mengikut latar belakang keluarga dan persekitaran (Voices for America’s children and the Child and Family Policy Centre, 2005). Walau bagaimanapun potensi kanak-kanak boleh diasah dan dikembangkan melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Guru berperanan penting dalam membantu perkembangan ini. Putri Zabariah, Bustam Kamri, & Raja Hamizah (2005) menyatakan bahawa guru yang berkualiti akan melahirkan murid yang berkualiti. Oleh itu guru berperanan besar dalam proses perkembangan potensi kanak-kanak prasekolah. Guru merupakan role model dalam segala tingkah laku, guru sebagai pengawal disiplin, guru sebagai agen perubahan serta pengantara ibu bapa dengan prasekolah.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kes dengan instrumen utama menggunakan kaedah pemerhatian. Data pemerhatian ini pula ditriangulasi pula dengan data temu bual dan analisis dokumen (Miles & Huberman, 1994). Kajian kes merupakan kajian yang menyiasat fenomena kontemporari dalam konteks kehidupan sebenar, terutama apabila sempadan antara fenomena dan konteks tidak jelas terbukti (Yin, 1994)surveys, histories, and economic epi-demiologic research. Each method has peculiar advantages and disadvantages, depending upon three condi-tions: the type of research question, the control an investigator has over actual

behavioral events, and the focus on contemporary as opposed to historical phenomena. In general, case studies are the preferred method when (a. Kajian kes juga untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang keadaan dan makna bagi mereka yang terlibat, iaitu guru dan murid. Kajian kes juga lebih mentikberatkan proses dan bukan hasil. Oleh itu pandangan didapati daripada kajian kes boleh secara langsung mempengaruhi dasar, amalan, dan kajian masa depan (Merriam, 1998). Mengenai kelebihan kajian kes kajian kes yang dilakukan dalam keadaan sebenar, pengkaji boleh mendapatkan maklumat yang banyak dan holistik serta berpotensi meningkatkan kemajuan bidang yang dikaji Merriam (1998).

Pengkaji menumpukan kajian ini kepada pelaksanaan P&P guru dengan melihat kaedah guru memperkembangkan potensi murid dalam dua aspek, iaitu rohani dan sosioemosi. Peserta kajian merupakan intrumen utama dalam kajian ini berdasarkan Merriam (1998), yang menyatakan bahawa pengkaji adalah instrumen utama untuk mengumpul dan menganalisis data.

Pemilihan peserta kajian menggunakan pensampelan bertujuan dengan ciri pemilihan ditentukan oleh pengkaji ialah mereka yang memiliki diploma pendidikan dari institusi pengajian tinggi, pernah mendapat kursus dan latihan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta berpengalaman mengajar prasekolah melebihi tiga tahun. Sebelum proses pengumpulan data, pengkaji perlu menentukan satu set kriteria pemilihan calon peserta kajian yang akan dianggap berkelayakan untuk menghasilkan data yang terbaik (Yin, 1994; Merriam, 1998) surveys, histories, and economic and epi-demiologic research. Each method has peculiar advantages and disadvantages, depending upon three condi-tions: the type of research question, the control an investigator has over actual behavioral events, and the focus on contemporary as opposed to historical phenomena. In general, case studies are the preferred method when (a dan maklumat yang kaya (Patton, 1990; Creswell, 2003).

Kajian dilaksanakan di sebuah prasekolah swasta dan sebuah prasekolah kebangsaan. Kedua-dua prasekolah terletak berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji bagi memudahkan usaha pengumpulan data dan kajian dapat difokuskan sepenuhnya. Sekolah kebangsaan yang dipilih pula merupakan sekolah yang mempunyai kelas prasekolah kerana tidak semua sekolah yang dibenarkan mewujudkan prasekolah. Pengkaji memilih di kedua-dua sekolah ini berdasarkan Creswell (2003), iaitu pemilihan tempat kajian mengikut objektif dan soalan kajian serta yang memudahkan pengumpulan data yang kaya merupakan salah satu ciri kesahan yang tinggi dalam kajian kualitatif.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan ringkasan 'PM' untuk pemerhatian dan 'TB' untuk temubual. Manakala untuk peserta kajian prasekolah kerajaan, pengkaji menamakan dengan 'GPSK1' dan peserta kajian prasekolah swasta dinamakan dengan 'GPSS1'. Semasa pemerhatian segala perkataan dan tingkahlaku guru diperhati dan dicatatkan oleh pengkaji. Pengkaji juga menggunakan P&P menggunakan rakaman video kamera bagi pengkaji menganalisis dan melihat P&P kali kedua. Manakala temubual pula pengkaji merakamkan segala perkataan peserta kajian menggunakan alat perakam. Pealatan ini bagi membantu pengkaji untuk menganalisis kesemua data dengan mudah dan mendapatkan data yang tepat.

Kesahan dan kebolehpercayaan diperolehi dari pemilihan peserta kajian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan, pengumpulan data

menggunakan kaedah triangulasi dengan tiga teknik, iaitu pemerhatian diikuti dengan temu bual seterusnya menganalisis dokumen. Semua data disahkan oleh peserta kajian. Senarai semak pemerhatian serta protokol temu bual disahkan oleh penyelia serta tujuh orang pakar dalam bidang pendidikan. Surat kebenaran melaksanakan kajian juga telah diperolehi dari universiti pengkaji sendiri, juga dari Kementerian Pendidikan Malaysia serta dari Jabatan Pendidikan Negeri. Setiap kali selesai pemerhatian dan temu bual peserta kajian akan menandatangani borang pengesahan mengenai perkara tersebut.

Data daripada pemerhatian dan analisis dokumen dianalisis menggunakan perisian Nvivo7, begitu juga data temu bual dilakukan proses transkripsi bagi setiap sesi. Setelah data disemak, pengkaji mendapatkan tema penting daripada data tersebut. Sebelum proses analisis dilakukan menggunakan perisian tersebut, semua hasil transkripsi disemak terlebih dahulu, iaitu dengan cara semakan semula (*peer-checking*) oleh peserta kajian. Langkah selanjutnya adalah mencari tema penting mengenai teknik guru membentuk perkembangan rohani dan sosioemosi sewaktu P&P.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini dianalisis berdasarkan dua persoalan kajian. Data yang dikumpulkan melalui teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen mendapati guru memperkembangkan potensi murid dengan pelbagai cara melalui P&P dalam bilik darjah. Guru yang berperibadi mulia, berilmu dan menunjukkan akhlak yang baik akan memberi kesan yang positif kepada murid-murid. Hasil dari pemerhatian, temubual dan analisis dokumen dianalisis menggunakan Nvivo7. Pengkaji menyusun tema kemudian menganalisis setiap tema.

## TEKNIK GURU MEMBANTU PERKEMBANGAN POTENSI ROHANI MURID

Secara keseluruhannya guru didapati sentiasa berusaha mengembangkan potensi rohani murid prasekolah. Melalui pemerhatian, pengkaji dapati guru memulakan P&P dengan memberi salam, seterusnya mengajak murid untuk berdoa bersama. Kemudian guru meminta murid-murid duduk dalam keadaan tertib (PM1/GPSK1 dan PM1/GPSS1). Pendekatan ini menurut Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid (1999) bahawa walaupun perkara seperti ini kelihatan remeh tetapi penekanan kepada kepercayaan kepada Allah SWT perlu diterapkan sedari dari kecil. Beliau menambah bahawa ilmu merupakan cahaya dan cahaya hanya menerobos jiwa yang bersih dan penuh harapan kepada pertolongan Allah SWT. Kamarul Azmi Jasmi (2010) pula dalam kajiannya menyatakan bahawa set induksi adalah aktiviti terpenting pada awal sesi P&P. Aktiviti ini boleh memberikan semangat kepada murid untuk meneruskan proses menimba ilmu.

Seterusnya guru bertanya khabar dan dijawab oleh murid dengan seronok dan gembira *"Baik, alhamdulillah"* (PM1/GPSKR2). Jawapan ini menggambarkan kegembiraan murid dan kepercayaan kepada Allah SWT. Ucapan *alhamdulillah* menggambarkan keyakinan dan kesyukuran atas kurniaan kesihatan yang baik. Dapatan ini selari dengan pendapat Hamdi Rahman et al., (2012) bahawa pembelajaran pertama perlulah diterapkan mengenal Allah SWT. Salasiah Hanin Hamjah et al., (2012) seterusnya menyatakan bahawa

kerohanian merupakan salah satu elemen penting dalam pembelajaran. Begitu juga dengan Schein (2014) yang menyatakan bahawa persekitaran harian memupuk rohani murid. Walau bagaimanapun pemupukan kerohanian bukan sahaja semasa pembelajaran tetapi objektif pendidikan itu sendiri perlulah selari dengan pelaksanaan (Hamdi Rahman et al., 2012).

Penerapan kerohanian juga didapati semasa induksi set apabila guru seterusnya bertanya mengenai sarapan pagi, *"Dah makan belum?"* dan dijawab oleh murid, serta guru menyatakan *alhamdulillah* juga" (PM1/GPSK1). Ucapan *alhamdulillah* disebut sebagai menanamkan nilai perhambaan kepada Allah SWT. Muhammad Nur Abdul Hafiz Suwaid (1999) menyatakan bahawa penanaman akidah, iaitu keyakinan kepada Allah SWT sejak kanak-kanak merupakan sunnah Rasulullah SAW.

